



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	21 OGOS 2023	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	ANGKASA, ACO, ICA-AP, NRECC, KPM, JPSM, MBM, MFF, JPNS			

22 **Sinar BERTARI** BULETIN ISININ 21 OGOS 2023 - SINAR HARIAN
Oleh AZLEENDA SAHALUDIN

ANGKASA tawar RM52,800 untuk kelestarian alam



Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menganjurkan pertandingan Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan bagi mencapai objektif penanaman sejuta pokok. Pada masa yang sama, ia dianjurkan bagi memberi pendedahan dan pendidikan melindungi khazanah terutamanya pokok-pokok sejuk di bangku sekolah.

Menurut Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO) dan Naib Presiden International Co-operative Alliance-Asia Pacific (ICA-AP), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, program itu dilaksanakan bagi memberi impak luas dan positif tentang penjagaan alam sekitar di samping meringkaskan kesedaran serta kesungguhan mendepani cabaran mengekalkan kelestarian alam.

"Saya yakin dan percaya koperasi sekolah mampu menyahut cabaran untuk menangani sekurang-kurangnya sebatang pokok. Sekiranya kempen 1 Koperasi 1 Pokok menerusi pertandingan ini dilaksanakan oleh anggota koperasi sekolah, maka kita akan dapat mencapai penanaman sejuta pokok tahun ini," katanya ketika merasmikan program bersejarah di Sekolah Berasrama Penuh

Melalui pertandingan ini juga, ANGKASA menawarkan hadiah wang tunai bernilai RM52,800 serta sijil peringkat kebangsaan dan sijil pencapaian kepada pemenang Jumlah Penanaman Pokok, Tertinggi Peringkat Negeri (kategori sekolah), Jumlah Penanaman Pokok, Tertinggi Peringkat Kebangsaan (kategori sekolah) dan Jumlah Penanaman Pokok Tertinggi Peringkat kebangsaan (kategori pelajar). Pertandingan tersebut telah bermula 15 Jun lalu hingga 15 Oktober depan yang terbuka kepada semua koperasi sekolah ahli ANGKASA seluruh negara selaras dengan yang digariskan oleh agenda Penghijauan Malaysia iaitu semua jenis pokok tumbuhan berkayu yang mempunyai akar, batang, dahan dan daun.

Untuk itu, koperasi sekolah yang berminat boleh memuat turun aplikasi Penghijauan Malaysia secara percuma di Google Playstore, Apple App Store dan Huawei AppGallery untuk mendaftar atau melalut laman sesawang 10juyapokok.gov.my serta borang dalam talian (Google Form).

Untuk maklumat lanjut berkenaan terma dan syarat pertandingan dan pautan e-borang penyertaan, boleh layari laman sesawang www.angkasa.coop atau Facebook: @SejutaPokok ANGKASACoop.

Alhamdulillah (empat dari kiri) bersema pokok spesies *Cordia allamanda* sebagai giok Pelacaran Pertandingan Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan di SDPI Gombak, baru-baru ini.

Integrasi (ISBPI) Gombak, Selangor, baru-baru ini.

Pertandingan Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok Koperasi Sekolah adalah satu usaha kolaboratif yang melibatkan pelbagai pihak serta didukung oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta agensinya, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Institut Koperasi Malaysia.

Usaha ini turut disokong Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim; Kementerian Pendidikan (KPM); Majlis Amanah Rakyat (MARA); Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia; Jabatan Perhutanan Negeri; Universiti Putra Malaysia (UPM); Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPM); radio IKIM; Majlis Baita Malaysia (MBM) dan Malaysia Forest Fund.

ALBUM K-SEMANIS '23



Sebagai pembina guru yang berkecuali sesi perkhidmatan asas TV PSS.

Penyampaian sijil kepada rakan strategik K-Semansis '23.

Melalui di atas bahu antara reras yang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar sepanjang K-Semansis '23 berlangsung.

Guru-guru turut mendapatkan perkhidmatan rawatan kuku di reras pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Zalina, Klang, Selangor.